

# FOBAN OINTMENT

Sodium Fusidate (2.0 % w/w)

## Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan Foban Ointment
2. Bagaimana Foban Ointment berfungsi
3. Sebelum menggunakan Foban Ointment
4. Cara menggunakan Foban Ointment
5. Semasa menggunakan Foban Ointment
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan Foban Ointment
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

Risalah ini menjawab beberapa soalan lazim tentang Foban Ointment. Ia tidak mengandungi semua maklumat yang tersedia. Ia juga tidak menggantikan tempat ahli farmasi atau doktor anda.

Simpan risalah ini bersama ubat. Anda mungkin perlu membacanya lagi.

## Apakah kegunaan Foban Ointment

Foban Ointment digunakan untuk luka pada kulit primer atau sekunder yang dijangkiti oleh bakteria seperti *Staphylococcus* atau *Streptococcus*.

## Bagaimana Foban Ointment berfungsi

Foban Ointment mengandungi bahan aktif sodium fusidate. Setiap gram salap mengandungi 20 mg sodium fusidate.

Sodium fusidate adalah antibiotik yang menjalankan aktiviti antibakteria terhadap kuman (bakteria) pada kulit.

Tanya ahli farmasi atau doktor anda sekiranya anda mempunyai sebarang pertanyaan tentang ubat ini.

## Sebelum menggunakan Foban Ointment

Bila tidak boleh menggunakan

### Jangan menggunakan Foban Ointment sekiranya:

- Anda alah (hipersensitif) terhadap fusidic acid dan garam yang berkaitan atau sebarang bahan yang terkandung dalam ubat ini.

Sebelum menggunakan Foban Ointment

### Maklumkan ahli farmasi atau doktor:

- Sekiranya anda mempunyai jangkitan pada kulit dan nyatakan kawasan jangkitan.
- Jika anda menggunakan mana-mana ubat yang memerlukan preskripsi atau ubat-ubatan tanpa preskripsi atau produk kulit.

### Kehamilan dan penyusuan badan:

- Tanya doktor atau ahli farmasi anda untuk mendapatkan nasihat sebelum pengambilan ubat ini sekiranya anda hamil atau menyusu badan.
- Tiada rekod yang menunjukkan bahawa ubat ini selamat digunakan semasa kehamilan dan penyusuan.
- Fusidic acid telah ditemui pada susu ibu, tetapi dalam kuantiti yang tidak mungkin akan mempengaruhi bayi dengan penggunaan secara topikal.

Jika menggunakan ubat-ubat lain

Maklumkan ahli farmasi atau doktor anda sekiranya anda sedang menggunakan apa-apa produk lain (misalnya ubat yang dibeli tanpa preskripsi doktor, ubat yang dipreskripsikan dan produk-produk herba).

## Cara menggunakan Foban Ointment

Berapa banyak harus digunakan

Sapukan ubat dua kali sehari. Rujuk kepada dos yang dicadangkan oleh doktor atau ahli farmasi anda.

Bila perlu digunakan

Sapukan ubat selepas membersihkan bahagian yang terjejas.

Berapa lama perlu digunakan

Rujuk kepada doktor atau ahli farmasi untuk tempoh rawatan.

Jika terlupa menggunakan

Gunakan dos yang terlepas sebaik sahaja anda mengingatnya. Penggunaan seterusnya adalah seperti biasa.

Jika mengguna berlebihan (terlebih dos)

Penggunaan yang berlebihan tidak akan menyebabkan sebarang kesan yang merbahaya. Jika anda mengesyaki bahawa anda terlebih dos, sila rujuk doktor atau ahli farmasi anda. Bawa baki ubat bersama dengan anda.

## Semasa menggunakan Foban Ointment

Perkara yang perlu dilakukan

Jika anda akan mula mengguna sebarang ubat baru, maklumkan ahli farmasi atau doktor anda yang anda sedang mengambil Foban Ointment.

Perkara yang tidak boleh dilakukan

Jangan menggunakan Foban Ointment sekiranya anda mengalami iritasi atau sensitif selepas menggunakan ubat ini.

Perkara yang perlu diberi perhatian

**Ubat ini tidak boleh digunakan pada atau berhampiran mata.** Jika ini berlaku, basuhkan mata anda dengan pencuci mata. Mata anda mungkin menyengat. Sekiranya anda mengalami sebarang masalah penglihatan atau mata sakit, hubungi doktor anda dengan segera.

**Jangan telan ubat ini.** Kuantiti yang kecil tidak akan menyebabkan apa-apa kemudaratan. Jika anda tidak sengaja menelan dalam kuantiti yang banyak, sila hubungi doktor anda dengan segera.

**Kesan-kesan sampingan**

Semua ubat mempunyai risiko dan manfaat. Ahli farmasi atau doktor anda telah mempertimbangkan risiko anda mengambil Foban Ointment berbanding manfaat yang mereka jangka untuk anda.

Foban Ointment boleh menyebabkan kesan sampingan yang tidak diingini pada segelintir orang. Semua ubat boleh mendatangkan kesan sampingan. Kadangkala ia serius, tetapi kebiasaannya ia tidak serius.

Kesan sampingan berkemungkinan yang berkaitan dengan rawatan telah dilaporkan: ruam dan iritasi.

Berhenti menggunakan ubat ini dan dapatkan bantuan segera jika anda mengalami: kesukaran bernafas, muka dan tekak membengkak dan kulit ruam yang teruk.

Jika anda mengalami mana-mana kesan sampingan, walaupun yang tidak dinyatakan di dalam risalah ini, maklumkan doktor atau ahli farmasi anda.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui No. Tel: 03-78835550, atau laman web [portal.bpfk.gov.my](http://portal.bpfk.gov.my) (*Consumers → Reporting*).

**Cara penyimpanan dan pelupusan Foban Ointment**

Penyimpanan

Simpan di bawah suhu 30°C. Simpan di tempat kering dan sejuk serta terlindung daripada cahaya. Simpan jauh daripada jangkauan kanak-kanak.

Pelupusan

Ubat-ubatan tidak harus dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi rumah. Sila rujuk kepada ahli farmasi anda mengenai cara untuk melupuskan ubat yang tidak diperlukan lagi. Langkah-langkah ini dapat membantu melindungi alam sekitar.

**Maklumat lanjut**

Bagaimana rupa ubat

Foban Ointment ialah salap yang halus dan tidak berwarna.

Foban Ointment boleh didapati dalam tiub aluminium 5g atau 15g.

Bahan-bahan kandungan

Bahan aktif:  
Setiap gram salap mengandungi 20 mg sodium fusidate.

Bahan tidak aktif:  
White Soft Paraffin dan Liquid Paraffin

Nombor MAL

MAL19987363AZ

**Pengilang**

HOE Pharmaceuticals Sdn. Bhd.  
Lot 10, Jalan Sultan Mohamed 6,  
Bandar Sultan Suleiman,  
42000 Port Klang, Selangor,  
Malaysia.

**Pemegang Pendaftaran Produk**

HOE Pharmaceuticals Sdn. Bhd.  
Lot 10, Jalan Sultan Mohamed 6,  
Bandar Sultan Suleiman,  
42000 Port Klang, Selangor,  
Malaysia.

**Tarikh kemaskini RiMUP**

25/05/2015

**Nombor siri**

BPFK(R4/1)250515/00120